

*Strâtegi Prôbable Passage dalam Meningkatkan  
Kemahirân Membaca Murid*

**Halimatussadiyah Jaffar**

halimatussadiyah\_jaffar@moe.edu.sg

**Khuraisah Mohd Abthar**

khuraisah\_mohamed\_abthar@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Junyuan

*Abstrak*

Kemahiran membaca sangat penting bagi menentukan kandungan teks yang dibaca dapat difahami. Tanpa kemampuan memahami teks, isi kandungan pelajaran secara optimum tidak mungkin tercapai. Namun, melalui analisis tahunan yang dijalankan, didapati bahawa murid-murid Darjah 5 sering berhadapan dengan masalah menguasai dan memahami kandungan teks bacaan. Lantas, kekurangan ini telah mengehendkan kemampuan mereka untuk menjawab soalan-soalan inferens yang memerlukan kemampuan berfikir secara kritis semasa membaca teks. Kertas kerja ini mengetengahkan bagaimana strategi pembelajaran iaitu *probable passage* mampu meningkatkan pemahaman murid bagi membolehkan mereka menjawab soalan berbentuk inferens. Perisian 2.0 *Crocodoc* yang menggunakan teknik anotasi juga telah diintegrasikan bagi menyokong strategi *Probable Passage*, Lapan belas orang murid yang berkebolehan sederhana telah terlibat dalam kajian ini. Dapatan kajian yang dijalankan menunjukkan 66.7% murid telah mencapai markah yang lebih baik bagi menjawab soalan berbentuk inferens setelah didedahkan kepada strategi *probable passage* Strategi ini telah dapat menangani masalah yang berkaitan dengan kefahaman.

Kata Kunci: kefahaman, analisis, *probable passage*, teks andaian, *crocodoc*, soalan inferens



## PENGENALAN

Dalam era ledakan maklumat ini, kemahiran membaca adalah satu daripada empat kemahiran bahasa yang sangat penting bagi membolehkan seseorang menimba ilmu pengetahuan. Para cendekiawan menggambarkan kemahiran membaca sebagai jambatan ilmu dan pengasah minda. Memandangkan betapa pentingnya kemahiran membaca dalam kehidupan manusia, Kementerian Pendidikan, Bahagian kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah turut memberi penekanan kepada aspek kemahiran membaca bagi pemahaman pelbagai bahan yang dibaca serta kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif supaya setiap murid mempunyai daya saing yang tinggi dan akan lebih bersedia mengharungi kehidupan dan cabaran abad ke-21.

Menurut Pearson dan Tierney (1984) kemahiran membaca dilihat sebagai satu proses mental yang aktif yang melibatkan pengajaran mencungkil makna daripada teks. Hal ini menunjukkan bahawa proses memahami teks yang dibaca melibatkan aktiviti-aktiviti kognitif yang membolehkan pembaca memproses maklumat secara aktif (Yahya Othman, 2004). Yahya juga menegaskan pembaca perlu menggunakan kemahiran berfikir untuk memproses maklumat secara berkesan. Namun demikian, kemampuan murid dalam menjawab soalan kefahaman berbentuk inferens amat terhad kerana mereka tidak memiliki daya kognitif yang tinggi untuk memahami teks yang dibaca.. Dari itu, untuk mencapai keberkesanan dalam pembacaan strategi *probable passage* telah diperkenalkan untuk mengasah kemahiran berfikir murid secara kritis dan kreatif. Penggunaan teknologi maklumat juga telah dimanfaatkan, iaitu perisian 2.0 *Crocodoc* yang menggunakan teknik anotasi untuk menyokong dan meningkatkan minat murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Selain itu, keterlibatan murid dalam proses kritikan dan penilaian dalam pembelajaran kolaboratif dapat dilaksanakan dengan penggunaan perisian 2.0 *Crocodoc*.

## PERNYATAAN MASALAH


Sebelum pelaksanaan kajian tindakan ini, ujian diagnostik telah dilaksanakan untuk mengumpulkan maklumat dan memastikan permasalahan yang dihadapi oleh murid. Ujian ini juga membantu untuk mengenal pasti jenis soalan kefahaman yang sukar ditangani oleh murid. Seramai 58 orang murid Darjah



5 telah menduduki ujian diagnostik berkenaan. Berdasarkan maklumat dalam Rajah 1, soalan 36 dan 37 adalah soalan literal, soalan 38 – 40 adalah soalan inferens manakala soalan 41 adalah soalan berkaitan dengan kosa kata.

Dapatan ujian diagnostik menunjukkan hanya 55.1% atau 32 murid lulus dalam ujian tersebut. Murid-murid yang gagal kebanyakannya ialah murid-murid berkebolehan sederhana dan lemah. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa kebanyakan murid tidak berupaya menjawab soalan kefahaman berbentuk inferens. Markah yang diperolehi untuk ketiga-tiga soalan inferens adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan soalan-soalan literal.

Rajah 1: Markah Kefahaman Ujian Diagnostik



## TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan prestasi murid dalam menjawab soalan kefahaman berbentuk inferens. Selain itu, kumpulan pengkaji juga mahu menilai keberkesanan strategi *probable passage* dan perisian 2.0 *Crocodoc* yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran kefahaman membaca. Soalan-soalan kajian yang perlu dihuraikan melalui projek ini adalah seperti berikut:

1. Bagaimanakah keberkesanan strategi *probable passage* bagi meningkatkan kemahiran murid dalam menjawab soalan-soalan kefahaman berbentuk inferens?



2. Bagaimanakah penggunaan perisian *Crocodoc* yang menggunakan kaedah anotasi secara kolaboratif mampu mengasah kemahiran berfikir murid secara kritis dan kreatif?

## KAJIAN LEPAS

Menurut Yahya Othman (2004), membaca merupakan proses interaksi antara teks dengan imaginasi pembaca. Guru harus peka dalam mempelbagaikan teknik pengajaran membaca agar dapat menjadikan pengajaran lebih bervariasi dan menarik. Dengan melakukan demikian guru dapat merangsang murid untuk belajar dengan lebih bersungguh-sungguh.

Terdapat banyak hasil kajian yang dijalankan di negara barat yang menunjukkan keberkesanan strategi *Probable Passage* bagi meningkatkan keupayaan murid berinteraksi dan memahami teks bacaan serta mencungkil maklumat untuk meringkaskan teks. *probable passage* juga dilihat sebagai satu strategi yang mampu meningkatkan pemahaman mengenai kandungan, struktur cerita dan memperkaya perbendaharaan kata murid. Kylene Beers (2003) menyatakan bahawa penggunaan strategi *Probable Passage* atau mampu mengelakkan pembacaan secara pasif kerana strategi ini memerlukan murid membuat ramalan, mengaktifkan pengetahuan sedia ada murid yang dihubungkan dengan pengetahuan baharu, membentuk mesej visual serta memperluas perbendaharaan kata dan kosa kata murid.

Selain itu, Erwin, F. Sprapani (2009) menambah bahawa murid berpeluang berbincang dalam kumpulan kecil untuk membantu mereka menjadi lebih kritis akan struktur cerita. Menurut Sprapani, melalui strategi ini, guru menerangkan isi kandungan teks dan membimbing murid mencungkil maklumat daripada teks yang kemudiannya disusun dalam kategori yang merangkumi watak, latar, permasalahan, penyelesaian serta perkataan yang sukar difahami. Cara ini dapat membantu murid memahami maklumat yang terkandung dalam teks, lantas memudahkan mereka memberi respons yang sesuai.

Melalui dapatan kajian yang dijalankan oleh Balanskat (2006), tentang keberkesanan penggunaan ICT di sekolah-sekolah di seluruh Eropah pula,



86% guru menyatakan bahawa penggunaan ICT mampu merangsang minat murid serta meningkatkan prestasi murid dalam pembelajaran.

Hal ini diperkukuh lagi oleh pandangan Cox dan Abbott (2004), yang menyatakan bahawa penggunaan ICT dalam sesi pengajaran dan pembelajaran secara terancang dan bersesuaian dapat membantu meningkatkan kecekapan serta minat murid dalam pelajaran. Namun begitu, guru haruslah bijak menggabungkan pembelajaran dengan penggunaan perisian yang sesuai supaya pengajaran dan pembelajaran akan lebih berkesan. Guru juga berperanan untuk merangsang minda murid dan membolehkan mereka menginterpretasikan mesej yang ingin disampaikan agar objektif pembelajaran tercapai. Pendapat ini juga disokong oleh Duffy, Lowyck dan Jonassen (1993) yang menegaskan bahawa reka bentuk pengajaran sangat penting bagi memudahkan murid belajar menggunakan platform yang terdapat dalam talian internet. Stacey dan Beras (2002) juga mendapati bahawa platform bekerjasama dalam talian internet membolehkan murid mengemukakan pandangan serta berkongsi idea-idea yang berbeza untuk melaksanakan tugas. Dengan bekerja secara berkumpulan dan kolaboratif dalam talian, mereka akan lebih bertanggungjawab dan serius tentang pembelajaran mereka.

Oleh itu, kajian ini telah mengaplikasikan strategi *probable passage* serta perisian 2.0 *Crocodoc* yang mampu meningkatkan kemahiran literasi serta penglibatan murid melalui proses pembelajaran berkumpulan yang lebih bersifat global. Pembelajaran secara kolaboratif ini mampu mendorong murid supaya berfikir lebih kritis, kreatif dan analitikal.

## KAEDAH KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini adalah kajian tindakan yang mempunyai reka bentuk eksperimen kerana hanya melibatkan sekumpulan subjek kajian sahaja. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kuantitatif dan kualitatif. Borang soal selidik berdasarkan skala 5-mata berjenis Linkert telah digunakan untuk mendapatkan data kuantitatif. Borang soal selidik penting untuk mendapatkan persepsi murid tentang penggunaan strategi *probable passage* dan perisian *Crocodoc* bagi pembelajaran teks kefahaman yang berpusat kepada soalan berbentuk inferens. Soalan dalam borang soal selidik ini juga telah dikaitkan



dengan objektif kajian.

Bagi data kuantitatif pula, keputusan praujian dan pascaujian murid digunakan untuk dibuat perbandingan dan dianalisis bagi menilai keberkesanan strategi yang digunakan bagi meningkatkan pemahaman murid tentang teks bacaan sekaligus membolehkan mereka menjawab soalan berbentuk inferens dengan lebih tuntas.

### Subjek Kajian

Seramai 18 orang murid Darjah 5 Bahasa Melayu standard yang terlibat dalam kajian tindakan ini. Kumpulan murid yang dipilih merupakan murid yang berkebolehan sederhana. Murid kumpulan ini ini gagal dalam ujian diagnostik yang telah dijalankan.

### Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan adalah teks kefahaman bagi praujian dan pascaujian, klip video, templat klip video, templat *probable passage*, perisian 2.0 *Crocodoc* dan borang soal selidik. Borang soal selidik ini digunakan untuk memahami persepsi murid terhadap strategi yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran kefahaman membaca. Jenis soalan tertutup telah dipilih bagi mendapatkan keseragaman jawapan responden dan lebih mudah untuk dianalisis.

### Prosedur Kajian

Pada peringkat awal kajian ini, murid telah menduduki kertas praujian untuk mengetahui keupayaan mereka menjawab soalan kefahaman berbentuk inferens. Pada peringkat ini, murid belum lagi didedahkan kepada strategi pengajaran yang bakal digunakan dalam kajian ini. Langkah ini bertujuan untuk mengenal pasti dengan lebih terperinci tentang pemasalahan yang dihadapi murid ketika menjawab soalan kefahaman berbentuk inferens. Melalui praujian yang dijalankan, didapati bahawa antara masalah utama yang dihadapi murid adalah seperti berikut:



- Murid kurang atau tidak memahami petikan yang dibaca.
- Murid kurang atau tidak memahami kehendak soalan.
- Murid memberikan jawapan yang tidak lengkap.
- Murid memberikan jawapan yang salah.

Justeru itu, perancangan yang terperinci dilakukan bagi menyiapkan dan menjalankan strategi intervensi yang dapat menangani masalah tersebut. Strategi intervensi yang dimaksudkan ialah strategiprobable passage. Setelah selesai menjalankan strategi intervensi, aktiviti pascaujian dijalankan untuk melihat keberkesanan strategi intervensi yang dijalankan dan meneliti kesannya terhadap murid-murid.

#### Langkah Pertama

Setelah mengenal pasti masalah yang dihadapi murid, murid didedahkan kepada kaedah Pemenggalan Teks (*Chunking of Texts*) untuk membantu mereka mencungkil isi dan memahami kandungan serta maklumat yang terkandung dalam teks bacaan. Kaedah ini menggalakkan minat membaca dalam kalangan murid kerana dapat memahami teks yang dibaca dengan lebih mudah Dengan pemahaman yang lebih baik dan jelas, murid akan berupaya menjawab soalan kefahaman berbentuk inferens dengan tuntas. Sebanyak dua teks kefahaman telah direka dan dicetak untuk digunakan sebagai latihan dalam langkah ini. Rujuk Lampiran 1.

#### Langkah Kedua

Bagi langkah kedua, guru menayangkan klip video untuk murid yang mempunyai gaya belajar visual supaya video tersebut dapat merangsang mereka memahami jalan cerita dengan lebih mudah berbanding dengan teks bacaan. Sebelum menonton klip video, murid diminta supaya berfikir dan memahami perkara atau mesej yang tersurat dan tersirat daripada klip video tersebut. Selanjutnya, murid perlu menjawab soalan berdasarkan klip video yang ditonton dengan menggunakan templat yang disediakan. Rujuk Lampiran 2.



### Langkah ketiga

Bagi langkah selanjutnya, guru mengajar kemahiran membuat anotasi berdasarkan teks kefahaman. Pengajaran membuat anotasi teks dijalankan secara bertulis. Langkah ini penting bagi memudahkan murid memahami maklumat yang terkandung di dalam teks. Murid kemudiannya didedahkan kepada pengajaran menggunakan strategi *probable passage* yang memerlukan murid mengisi templat *probable passage* dengan maklumat yang mereka peroleh setelah melakukan proses anotasi. Templat ini mengandungi 4 kategori, iaitu watak, perkara/masalah, sebab dan penyelesaian. Strategi ini dapat memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai kandungan teks yang dibaca oleh murid. Rujuk Lampiran 3.

### Langkah terakhir

Pada langkah terakhir ini guru menerangkan ciri-ciri yang terdapat dalam perisian 2.0 *Crocodoc* sebelum murid membuat latihan kefahaman menggunakan teknik anotasi dalam talian. Murid bekerja secara berkumpulan di makmal komputer untuk menyelesaikan tugas. Guru juga telah memuatnaikkan templat *probable passage* dalam perisian 2.0 *Crocodoc*

Bagi mengukur pemahaman murid dan keberkesanan strategi yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran, aktiviti pascaujian dijalankan untuk menentukan pencapaian murid dalam menjawab soalan kefahaman berbentuk inferens.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Dapatan kajian menunjukkan melalui data kualitatif yang mengambil kira sisihan piawai varian, min dan kiraan purata, terdapat peningkatan yang ketara dalam keputusan yang diperolehi murid semasa menduduki pascaujian.

Berdasarkan pencapaian keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan 61.1% (11) murid telah mencapai markah yang lebih baik dalam pascaujian berbanding markah yang diperolehi dalam praujian. Dapatan kajian juga menunjukkan 72.2% (13) murid berjaya untuk pascaujian berbanding 44.4%





(8 ) murid yang lulus dalam praujian.


Berdasarkan peningkatan markah purata terdapat peningkatan daripada 5.3 dalam latihan praujian kepada 6.6 dalam latihan pascaujian. Perbandingan markah yang diperoleh murid dapat dilihat dalam Jadual 1 dan Rajah 2.

Jadual 1: Perbandingan Markah Praujian dengan Pascaujian

PRAUJIAN			PASCAUJIAN		
Min	Sisihan Piawai	Varian	Min	Sisihan Piawai	Varian
5.3	2.8	7.9	6.6	3.3	10.8
BILANGAN	MURID	PRAUJIAN	PASCAUJIAN	PERBEZAAN MARKAH	% PENINGKATAN
1	A	5	9.5	4.5	47.4%
2	B	1	2	1	50.0%
3	C	8	2	-6	-300.0%
4	D	4	2	-2	-100.0%
5	E	3	6	3	50.0%
6	F	6	3	-3	-100.0%
7	G	2	6	4	66.7%
8	H	0	11	11	100.0%
9	I	6	5.5	-0.5	-9.1%
10	J	7.5	9.5	2	21.1%
11	K	3	2	-1	-50.0%
12	L	8	10	2	20.0%
13	M	5	6.5	1.5	23.1%
14	N	10	9	-1	-11.1%
15	O	4	7	3	42.9%
16	P	8	12	4	33.3%
17	Q	5	8	3	37.5%
18	R	9	7	-2	-28.6%



Rajah 2: Perbandingan Markah Praujian dengan Pascaujian




Jadual 1 dan Rajah 2 menunjukkan markah yang diperolehi murid secara individu dalam praujian dan pascaujian. 11 murid berjaya memperolehi markah yang lebih tinggi dalam pascaujian berbanding dengan markah semasa praujian. Ini membuktikan bahawa strategi intervensi yang dijalankan telah meningkatkan pemahaman murid bagi membantu mereka menjawab soalan kefahaman berbentuk inferens.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kebanyakan murid lebih yakin dan kurang memberikan jawapan yang tidak lengkap dalam pascaujian jika dibandingkan dengan praujian. Bilangan murid yang memberikan jawapan yang tidak lengkap berkurangan dalam pascaujian jika dibandingkan dengan praujian. Rujuk Rajah 3.



Rajah 3: Jumlah Murid yang Memberikan Jawapan yang tidak Lengkap



Berdasarkan borang soal selidik yang mengikuti skala 5-mata Likert pula jelas membuktikan keberkesanan strategi-strategi yang digunakan dalam pembelajaran murid . 100% murid memberikan maklum balas sangat setuju dan setuju bagi setiap item yang terkandung dalam borang soal selidik. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, murid dapat memahami petikan kefahaman dengan lebih baik serta sedar akan strategi yang telah digunakan untuk menjawab soalan kefahaman. Rujuk Jadual 2.

Selain itu, murid juga mendapati bahawa strategi *probable passage* ini mudah digunakan semasa membuat latihan kefahaman kerana idea dan maklumat telah dikategorikan menggunakan templat yang telah disediakan. Murid juga berasa seronok kerana dapat melibatkan diri dalam pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan ICT melalui perisian 2.0 *Crocodoc*.



Jadual 2: Maklum Balas Soal Selidik

No	Soalan	Sangat Setuju	Setuju	Neutral	Tidak Setuju	Sangat Tidak
1	Strategi anotasi dan teks andaian dapat membantu saya memahami cerita dalam petikan dengan baik.	6 35.3%	11 64.7%	0	0	0
2	Strategi teks andaian amat menarik dalam pembelajaran kefahaman	10 55.6%	7 38.9%	0	0	0
3	Strategi teks andaian dapat membantu saya mencungkil isi-isi penting dalam petikan	6 35.3%	11 64.7%	0	0	0
4	Strategi anotasi melalui 'crocodoc' dapat merangsang minat saya dalam pembelajaran kefahaman	5 29.4%	12 70.6%	0	0	0
5	Saya suka aktiviti kolaboratif melalui 'crocodoc'	12 70.6%	5 29.4%	0	0	0
6	Secara keseluruhan, saya telah mempelajari strategi-strategi yang efektif dalam membuat latihan kefahaman	7 41.2%	10 58.8%	0	0	0

## KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh ini, jelas menunjukkan bahawa penggabungjalinan penggunaan strategi anotasi, *probable passage*, dan perisian 2.0 *Crocodoc* sangat berkesan untuk meningkatkan kemahiran murid menjawab soalan kefahaman berbentuk inferens. Hasil dapatan ini sangat memberangsangkan dan mendorong para guru untuk terus menggunakan pakej ini dalam pengajaran dan pembelajaran kefahaman.

Sebagai langkah selanjutnya, kumpulan pengkaji akan membina sebuah pakej kefahaman bagi murid-murid Darjah 5 untuk digunakan sebagai latihan pengukuhan pelajaran kefahaman subjektif. Murid juga akan didedahkan



kepada strategi-stragi yang telah digunakan dalam kajian ini untuk membantu mereka memahami teks dengan lebih mudah sekaligus mampu menjawab soalan-soalan kefahaman khususnya soalan-soalan yang berbentuk inferens.

Guru-guru berikut turut terlibat dalam Kajian Tindakan yang dijalankan.

- Kamisah Mohd Shariff
- Salamah Massaid
- Siti Raihani Husainni

## RUJUKAN

- Balanskat, Anja, Roger Blamire dan Stella Kepala (2006). *The Impact Report: A Review of Studies of ICT Impact on Schools in Europe*. European Schoolnet, 11 Dec 2006.
- Beers, Kylee (2003). *When Kids Can't Read*. pp.87-94.
- Cox M. J. dan Abbott C. (Eds) (2004). *ICT and Attainment – A Review of the Research Literature*. Coventry, Becta /London, DfES.
- Duffy, M. Thomas, Lowyck, Jonassen, H.David (1993). *Designing environments for constructive Learning!* Springer-verlag. Heidelberg, Germany.
- Erwin, F. Sprapani (2009). *Society, the Classroom and Instructional Practice: Perspective on Issues Affecting The Secondary Classroom in the Twenty First Century*. Maryland: Rowman and Littlefield Education, Inc.
- Gokhale A.A. (1945). Collaborative Learning Enhances Critical Thinking. *Journal of Technology Education*.
- Pearson P. D. & Tierney R. J. (1984). *On becoming a thoughtful reader: Learning to read like a writer*.
- Salvin R.E. (1995). *Cooperative learning among students: Theory, research and Implication for active learning*.  
<http://www/scov.csos.jhu.edu/sfa/cooplearn.htm>.
- Stacey E dan Beras (2002). dipetik dari '*learning links online. Establishing constructivist and collaborative learning environment*.  
<http://www.aset.org.an/canfs/soos/stacey.html>
- Yahya Othman (2004). *Mengajar Membaca Teori dan Aplikasi: Panduan Meningkatkan Kemahiran Mengajar Membaca Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.



Lampiran 1: Contoh Latihan Pemenggalan Teks

SEKOLAH RENDAH JUNYUAN

LATIHAN KEFAHAMAN |

NAMA: \_\_\_\_\_ DARJAH: \_\_\_\_\_

**ARAHAN:** Baca petikan-petikan di bawah ini dengan teliti. Tuliskan respons yang sesuai dalam petak-petak yang disediakan.

**Petikan 1**

Tiga minggu lalu, Danial hampir dikeluarkan daripada peraduan itu. Dia gagal menghafal skrip yang diberikan oleh gurunya. Cikgu Rozi amat berang dan kecewa dengan sikap sambil lewa yang ditunjukkan oleh Danial.

"Awak bukan tidak mampu untuk menghafalnya tetapi awak malas dan tidak bersungguh-sungguh," herdik Cikgu Rozi.

Danial tunduk malu kerana dimarahi di depan rakan-rakannya yang lain. Namun dia sedar akan kesalahannya. Rakan-rakan yang lain telah bertungkus-lumus berlatih. Apabila mereka bersama untuk menjalani latihan, sesi latihan akan tergendala. Cikgu Rozi akan menjadi marah dan semua pelajar akan dimarahi.

Watak	Perkara / Masalah	Sebab	Penyelesaian



Lampiran 2: Contoh Soalan Menonton Kip Video

LATIHAN KEFAHAMAN – MENONTON KLIP VIDEO

NAMA: \_\_\_\_\_ DARJAH: \_\_\_\_\_

**Arahan:** Tonton klip video yang ditayangkan dengan teliti. Kemudian, isikan ruangan yang diberikan dengan jawapan yang sesuai.



Namakan watak-watak yang terdapat di dalam klip video yang kamu tonton tadi.



Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh watak-watak dalam klip video tersebut?



Apakah sebab-sebab watak-watak itu berkelakuan sedemikian?



Apakah penyelesaian atau kesudahan cerita ini?



Jadual 3: Templat *Probable Passage*

LATIHAN KEFAHAMAN

Nama: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Darjah: \_\_\_\_\_

Arahan: Baca petikan yang diberikan. Kemudian, isikan petak-petak di bawah ini dengan respons yang sesuai.

No	Watak	Perkara / Masalah	Sebab	Penyelesaian
	•	•	•	•
	•	•	•	•
	•	•	•	•
	•	•	•	•

